

17 OCT 2003

OIC-Dialog/I

WANITA PERTAMA MAHU WUJUDKAN SEKRETARIAT TANGANI ISU WANITA

KUALA LUMPUR, 17 Okt (Bernama) -- Wanita Pertama Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) menggesa bagi penubuhan sebuah sekretariat tetap dalam pertubuhan itu untuk menangani isu wanita.

Isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali semasa mengumumkan resolusi 10 perkara yang diterima pada dialog sulung Wanita Pertama OIC di sini, berkata sekretariat itu boleh membantu negara anggota membuat tindakan susulan mengenai isu berhubung wanita dan kanak-kanak.

"Kaum wanita bukannya golongan minoriti dan mereka memainkan peranan penting dalam penjanaan dan penggunaan pengetahuan dalam pelbagai aspek pembangunan.

"Wanita telah memainkan peranan penting dalam budaya kehidupan Islam dan ramai cendekiawan wanita Islam telah lahir mendahului tamadun lain. Jika kita menindas wanita bermakna kita akan mengurangkan sumber bagi pembangunan," katanya pada para peserta dialog itu di sebuah hotel terkemuka di sini.

Dr Siti Hasmah berkata wanita mempunyai peranan besar untuk dimainkan, bukan hanya mereka boleh mendesak bagi pandangan mereka didengar mengenai persamaan dalam Islam, pembangunan dan pengwujudan keamanan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, mereka juga boleh menyertai secara aktif dalam usaha ini.

Ini merupakan perkara yang ditekankan semasa dialog itu anjuran Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga sempena Sidang Kemuncak OIC ke-10 di Putrajaya.

Dialog mengenai "Wanita, Keamanan dan Pembangunan" itu, yang dipengerusikan oleh Wanita Pertama Malaysia Dr Siti Hasmah, menyaksikan penyertaan Wanita Pertama Pakistan, Turki, Gabon dan Sudan serta para isteri menteri kabinet dan diplomat asing yang berpejabat di sini dan aktivis wanita.

Beliau berkata walaupun hanya sejumlah kecil Wanita Pertama yang datang ke Malaysia daripada 57 negara anggota OIC, dialog itu berjaya dalam menyediakan platform bagi wanita untuk menyatakan pandangan mereka dan berkongsi pengalaman dengan yang lain dari negara OIC.

"Ini merupakan yang pertama...kami dapat kumpulkan lima orang sudah cukup baik. Kami telah bersabar selama ini. Selalu mulakan dengan langkah kecil dan kemudian kita boleh berlari," kata Dr Siti Hasmah.

Beliau berkata dengan negara Islam menghadapi kemajuan di tahap yang rendah dalam pembangunan manusia, negara anggota OIC perlu mengambil langkah untuk memelihara keamanan dan menyediakan peluang serta pilihan bagi wanita untuk mengambil bahagian dalam pembangunan, maka itu dialog ini diharapkan dapat menyegerakan ke arah mencapai matlamat itu.

Dr Siti Hasmah berharap selain mengadakan dialog, Wanita Pertama boleh mengunjungi satu sama lain untuk melihat sendiri masalah yang dihadapi di negara masing-masing dan cara menanganinya.

Beliau juga mahukan ia menjadi satu kegiatan yang dilakukan di bawah OIC.

Wanita Pertama Pakistan Sehba Musharraf berkata beliau berharap pertubuhan itu akan menerima semua perkara yang terkandung dalam resolusi itu.

"Wanita selalu menjadi masyarakat yang dipinggirkan malah di dunia sebelah kita pun. Tentunya saya berharap ada usaha yang akan dilakukan dalam memulakan usaha dan memastikannya dilaksanakan. Ini amat penting,"

katanya.

Aktivis wanita Iran Fatimah Hashemi Rafsanjani berkata Islam memberikan hak yang sama rata kepada wanita, bagaimanapun disebabkan salah faham terhadap Islam dan beberapa amalan budaya, ramai yang tidak dapat melihat kebenaran yang sebenarnya dalam agama.

"Wanita Islam patut lakukan apa jua yang mereka mahukan daripada meminta orang lain untuk berjuang bagi pihak mereka," kata wanita berusia 43 tahun itu, anak kepada bekas presiden Iran.

Beliaulah orangnya yang mencetuskan idea untuk mengadakan forum berasingan mengenai isu wanita sempena sidang kemuncak OIC.

Beliau mencadangkan perkara itu kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Qatar pada 2001 semasa mendapat tahu bahawa Malaysia akan menjadi pengerusi OIC yang ke-10.

-- BERNAMA

RT NIM AZZ RON